

TEKS PENERANGAN ALU-ALUAN PENGERUSI MAJLIS

SEMPENA MAJLIS

**PENANDATANGANAN KONTRAK BAGI PERKHIDMATAN
PENGAUDITAN DAN PERSIJILAN ISO 9001:2008
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER**

UTAMA

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh : 20hb. Ogos 2015 (Hari Khamis)

Jam : 9.00 pagi

Tempat : Dewan Setia Pahlawan

Bismillahir Rahman Nirrahim

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Mulia, Pengarah-Pengarah Jabatan, Ketua-Ketua Bahagian dan Pusat, Pegawai-Pegawai Kanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Kita bersyukur kehadrat Allah Subahanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat serta inayah dan hidayatnya jua, maka kita sekali lagi dapat berkumpul pada pagi ini bagi sama-sama hadir didalam majlis penandatanganan bagi perkhidmatan pengauditan dan persijilan ISO 9001:2008 bagi Kementerian Perindustrian Dan Sumber-Sumber Utama.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallalahu Alaihi Wassalam serta kaum kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu bagi mewakili ahli jawatan kuasa kerja Majlis pada pagi ini, Peramba/Kaola/Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin kerana sudi hadir selaku Tetamu Kehormat dan seterusnya menjadi saksi kepada penandatanganan bagi perkhidmatan pengauditan dan persijilan ISO 9001:2008 yang mana akan ditandatangani diantara Timbalan Setiausaha Tetap Pembangunan Industri dan Keusahawanan dan Badan Persijilan yang dilantik iaitu Bureau Veritas (BV)

Hadirin dan Hadirat sekalian.

Projek Konsultansi Pembangunan Sistem ISO 9001:2008 Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mula dilaksanakan pada 1 April, 2014 yang lalu yang mana sebanyak 15 Jabatan/ Bahagian/ Pusat dibawah Kementerian disenaraikan untuk mengikuti serta membangunkan prosedur-prosedur mengikut sistem ISO 9001:2008.

Disepanjang pembangunan sistem ISO 9001:2008 tersebut, skop-skop perkhidmatan telahpun dikenalpasti untuk dimuatkan dan disalurkan kedalam sistem ISO 9001:2008. Dalam proses pembangunan ISO 9001:2008 adalah dimaklumkan bahawa seramai 12 Quality Management Representatives (QMR); 31 AQMR (Assistant Quality

Management Representatives) dan 45 Juruaudit Dalaman telah dilantik dari 15 Jabatan/ Bahagian/ Pusat. Kesemua 15 Jabatan / Bahagian/ Pusat telahpun berjaya melaksanakan sistem ISO 9001:2008 selama tiga (3) bulan setelah kesemua dokumen-dokumen siap dibangunkan. Beberapa latihan menjurus kepada Pembangunan ISO 9001:2008 telah diadakan yang mana empat (4) latihan dilakukan secara berkumpulan dan sebanyak tiga (3) kali latihan intensif dilakukan disetiap Jabatan/ Bahagian/ Pusat.

Sukacita kaola/saya melaporkan bahawa kesemua 15 Jabatan/ Bahagian/ Pusat telahpun terlatih dan memberikan komitmen yang cemerlang dalam sama-sama mencapai keperluan persijilan standard ISO 9001:2008.

Adalah dalam kesempatan ini, saya/kaola memaklumkan bahawa selepas sahaja Kontrak Perjanjian ditandatangani oleh kedua pihak, pihak Badan Persijilan yang dilantik akan menerangkan mengenai proses dan jadual pengauditan dan diharap kesemua ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat mengambil maklum dengan perkara ini supaya pengauditan dapat dilaksanakan dengan lancar.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Majlis ini. Semoga

kerjasama sedemikian akan sentiasa berterusan dimasa-masa akan datang.

Sekian.

Wabillah Hitaufik Walhidaya. Wassalamualaikum Warahmatullah Hi Wabarakatuh.

-TAMAT-